

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 9/1977**

=====

**DASAR PENGELUARAN TANAH BAGI TUJUAN  
SEPERTI BATU-BATA, KUARI DAN SIMEN**

-----

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di dalam persidangannya pada 23/6/1977 telah meluluskan satu dasar untuk menimbangkan permohonan untuk 'extraction of rock materials'. Dasar tersebut adalah seperti berikut;

- i) Untuk mengalih 'rock materials' dari tanah Kerajaan dikeluarkan TOL dan License permit di bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara selama tidak lebih 5 tahun atau dikeluarkan permit sahaja di bawah Seksyen 71(a) Kanun Tanah Negara selama satu tahun.
- ii) Untuk mengalih 'rock materials' dari tanah hakmilik dikeluarkan permit sahaja di bawah Seksyen 71(a) Kanun Tanah Negara selama 1 tahun.
- iii) Untuk pengeluaran 'extracting any metal or minerals' dari tanah Kerajaan, dikeluarkan Mining Lease.
- iv) Untuk pengeluaran 'extracting any metal or minerals' dari tanah hakmilik, dikeluarkan Mining Lease. Ini bermakna tanah hakmilik hendaklah diserahkan kepada Kerajaan dan selepas itu dikeluarkan Pajakan di bawah Enakmen Lombong.
- v) Untuk pengeluaran 'extracting' batu kuari dari tanah Kerajaan tindakan seperti (i) diatas. Suratan Hakmilik di bawah Kanun Tanah Negara tidak boleh dikeluarkan.
- vi) Untuk pengeluaran 'extracting' batu kuari dari tanah Hakmilik tindakan boleh diambil untuk menukar jenis kegunaan tanah bagi tujuan perusahaan di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara. Peraturan untuk tuan tanah menyerahkan tanah selepas itu dikeluarkan TOL dan license permit di bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara adalah tidak teratur.
- viii) Untuk pengeluaran 'extracting rock material' untuk dimanufacture seperti simen dan batu bata dari tanah Kerajaan atau tanah hakmilik, tindakan diambil mengikut Enakmen Lombong.

2. Rujukan kepada Merinyu Kanan Galian, Selangor hendaklah dibuat seperti juga Jabatan-Jabatan yang lain. Beliau diantara lain hendaklah membuat syor mengenai pengawasan kawalan dan keselamatan kerja-kerja ditempat- tempat memecah dan mengeluarkan bahan-bahan batu.

3. Pemungut-Pemungut hendaklah mematuhi peraturan-peraturan diperenggan 1 diatas. Surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Selangor Bil. 9/74 adalah dibatalkan.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL SULIT 0.10 (55)

KUALA LUMPUR  
17HB SEPTEMBER 1977